

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM**

(BANDAR TUN RAZAK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2015

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN
RAZAK]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana tahunan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah disumbangkan kepada mana-mana ahli politik individu atau parti politik sejak 1981 hingga 2014 dan sebarang perancangan menghentikan sumbangan seumpama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat milik Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) tidak memperuntukkan dana tahunan khusus bagi sumbangan kepada ahli politik atau parti politik. Sebaliknya, jika terdapat permohonan sumbangan daripada pihak berkenaan, ia dikendalikan seperti mana permohonan sumbangan kewangan daripada pertubuhan bukan Kerajaan lain iaitu berdasarkan keperluan organisasi berkenaan dan ketersediaan baki peruntukan belanjawan pelaksanaan tanggung jawab sosial korporat (*corporate social responsibility* - CSR) syarikat semasa permohonan diterima.

Sumbangan yang disalurkan melalui ahli politik atau parti politik tersebut juga didapati bertujuan untuk membiayai pelaksanaan aktiviti atau projek tertentu, antaranya seperti berikut:

- i. menyokong acara sukan sekolah;
- ii. membantu mangsa banjir; dan
- iii. menjayakan majlis berbuka puasa bada bulan Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri termasuk memberi sumbangan Hari Raya kepada anak yatim, ibu tunggal, orang kurang upaya, orang tua dan

golongan lain yang memerlukan.

Jumlah sumbangan dalam sesuatu tahun bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima dan keupayaan kewangan syarikat untuk menyediakan peruntukan bagi projek CSR.